

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA  
SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) apakah perancangan atau langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah hutang kad kredit dalam kalangan golongan muda sehingga ramai yang diisytihar muflis; dan

(b) adakah strategi rasionalisasi subsidi Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kewangan negara akan meningkatkan jumlah rakyat Malaysia yang muflis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebenarnya, bilangan inividu yang diisytiharkan muflis disebabkan oleh hutang kad kredit adalah sangat kecil iaitu hanyalah 977 orang atau 0.03% daripada jumlah keseluruhan pemegang kad kredit utama iaitu 3.4 juta orang pada tahun 2013.

Selain daripada itu, majoriti individu yang muflis adalah terdiri di kalangan mereka yang berumur lebih daripada 45 tahun iaitu merangkumi 70% daripada jumlah keseluruhan.

Bagi mengawal tahap keterhutangan pemegang kad kredit, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil beberapa langkah dengan memperketatkan syarat pengeluaran kad kredit seperti berikut:

- Kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit dinaikkan daripada RM18,000 setahun kepada RM24,000 setahun sejak 18 Mac 2011;
- Pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali

ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar; dan  
Pengeluar kad kredit perlu mengambil kira potongan berkanun  
(contohnya: KWSP dan PCB) dan obligasi pembayaran balik hutang  
semasa sebelum meluluskan permohonan kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Sehingga kini, belum ada apa-apa kajian yang dilaksanakan mengenai kaitan strategi rasionalisasi Kerajaan dengan peningkatan jumlah rakyat yang muflis. Walau bagaimanapun, rasionalisasi subsidi bukanlah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan sumber kewangan Kerajaan malah tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan ketirisan dalam pemberian subsidi agar kumpulan sasaran mendapat manfaat daripadanya.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah, rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran (targeting mechanism).

Selain itu, bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup pula, sebahagian daripada penjimatan langkah rasionalisasi subsidi dipulangkan semula kepada rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Dalam Bajet 2014, Kerajaan telah meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M dengan peruntukan sebanyak RM4.6 bilion, berbanding RM2.9 bilion yang dibelanjakan pada 2013.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang terkawal serta keupayaan membayar balik hutang kekal utuh, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah antaranya seperti berikut:

- i. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);
- ii. Menetapkan nisbah pinjaman maksimum (loan to value ratio) pada 70% bagi pinjaman perumahan ketiga dan ke atas;

- iii. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit serta mengkehendaki pengeluar kad kredit mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus; dan
- iv. Mengeluarkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab secara rasmi, yang mengkehendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa.

Sejak pelaksanaan langkah-langkah ini, kadar peningkatan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010.